

# Peranan NGO terhadap teori relativisme

Perlu melobi di PBB untuk dapat sokongan ramai secara padu

**D**isedari atau tidak, penyebaran faham hak asasi yang berdasarkan kefahaman manusia, sudah berada dalam arus perdana. Penyebarannya semakin keras dan deras. Tidak ada yang salah mengenai hak asasi. Ia adalah keperluan asas setiap individu. Namun, ia menjadi salah jika tiada elemen ketuhanan dan hanya mementingkan kehendak manusia.

Perlembagaan kita merangkum hak asasi di bawah tajuk kebebasan asasi. Walaupun ada beberapa perbezaan dari segi maksud dan istilah yang digunakan, iaitu 'kebebasan' dan 'hak', secara dasarnya kita tidak boleh membuat kenyataan umum bahawa Perlembagaan kita tidak menjamin hak asasi.

Implikasi kepada peruntukan berkaitan kebebasan asasi sebagaimana ada dalam Perlembagaan itu menjadikan hak asasi perlu dijaga, dijamin dan dilaksana kepada setiap yang berhak mengikut kesesuaian perundangan negara.

## Berpegang teguh nilai agama

Dalam aspek perundangan, negara kita masih berpegang dengan kukuh kepada nilai agama dan budaya dalam hal berkaitan hak asasi. Oleh itu, secara akademik, dalam teori hak asasi, kita menerima pakai teori relativisme, iaitu teori yang menerima elemen tempatan, termasuk agama dan nilai budaya serta moral.

Perundangan kita tidak menerima teori universalisme walaupun keinginan untuk segelintir warga kita yang mahukan negara menerima teori universalisme atau sejagat dalam hal hak asasi.

Teori universalisme hak asasi mempromosi idea bahawa hak asasi perlu diseragamkan di serata dunia. Di dalam teori universalisme ini tiada penerimaan kepada keadaan setempat; tidak mementingkan kepercayaan 'agama'; tiada istilah 'nilai', 'norma' dan budaya.

Ia adalah teori ciptaan manusia berdasarkan fikiran dan kehendak sendiri dan hasil pemikiran Barat, membentuk penjajahan Barat ke atas dunia Timur.

Dari segi pemakaian, kekuatan teori ini ialah mereka mampu lobi kefahaman mereka pada peringkat antarabangsa. Kerana itu, teori ini dianggap sejagat.

Sebahagian besar daripada kita amat maklum bahawa prinsip dan amalan hak asasi Barat adalah 'bias' atau tidak adil; segala isi hak asasi itu ditentukan Barat.

Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia dan triti berkaitan hak asasi dipengaruhi secara penuh oleh puak Barat. Kuasa veto pada Pertubuhan Bangsa-

Bangsa Bersatu (PBB), sebagai badan pengawas hak asasi juga sememangnya dipelopori Barat.

Kini, pada peringkat antarabangsa, sebarang ketidakpuasan hati mana-mana pihak terhadap pelaksanaan hak asasi boleh dibentangkan dalam beberapa proses PBB.

Walaupun begitu, proses berkenaan tidaklah begitu terbuka dan pihak yang mahu menyampaikan pandangan mengenai hak asasi perlu melalui kepayahan melobi sebelum dibenarkan membuat apa-apa pembentangan atau menyampaikan apa-apa cadangan dan pandangan kepada jawatan kuasa berkaitan hak asasi pada peringkat PBB.

## Sokong perundangan negara

Dalam negara, suara kita masih lagi padu menyokong perundangan negara dan masih lagi boleh berhujah dengan teori relativisme. Kita hendaklah berusaha membawa suara ini kepada PBB.

Secara teorinya, kita sentiasa boleh berhujah bahawa kita menerima hak asasi dalam konteks relativisme yang mempunyai dua pendirian utama: Pertama, relativisme yang ketat, iaitu tidak ada hak asasi manusia sejagat atau universal. Dan, semua kepercayaan atau agama dan nilai adalah budaya relatif, berkaitan dengan kesesuaian tempatan. Maka hak asasi hendaklah setiap masa berdasarkan kepada kepercayaan dan nilai tempatan.

Dalam teori relativisme yang kedua, ia lebih longgar daripada yang pertama. Relativisme ini menerima prinsip hak asasi sejagat, tetapi pada masa sama menerima kemungkinan adanya persamaan dan perbezaan antara nilai tempatan dengan nilai sejagat.

Dengan itu nilai tempatan diberikan tempat dalam menerima dan melaksanakan hak asasi, tetapi pada masa sama meraikan kesejagatan prinsip hak asasi.

Kita mungkin boleh berhujah menggunakan kedua-dua aspek dalam teori relativisme ini untuk Malaysia pada peringkat PBB. Namun, kita perlu lalui proses melobi di PBB dan dari segi realitinya ia amat sukar.

Oleh itu peranan badan bukan kerajaan (NGO) yang percaya kepada teori relativisme ini amat besar. Usaha ini hendaklah dijana dengan lebih berkesan; kita perlu ke peringkat PBB. Tidak lagi memadai untuk kita sekadar bersuara dalam negara dan kita hendaklah bersatu dan belajar mencontohi antara satu sama lain.

## Penulis

ialah Profesor Madya Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Sains Islam Malaysia (UIAM)



DR SHAMRAHAYU A AZIZ

# Malaysia diancam gempa bumi bermagnitud lemah

**S**abah sekali lagi dikejutkan dengan ramalan gempa bumi berskala kuat apabila beberapa gempa bumi kecil berlaku di daerah Lahad Datu awal tahun ini. Seluruh masyarakat Sabah berada dalam kerisauan, lebih-lebih lagi apabila mengingatkan impak bencana gempa bumi di Ranau pertengahan 2015. Gegaran ketika itu menyebabkan kinabalu runtuh dan mengorbankan 18 pendaki gunung.

Lebih 500,000 gempa bumi berlaku di seluruh permukaan bumi setiap tahun, kebanyakan berkeamatan rendah dan hanya dapat dikesan oleh alat seismogram. Oleh kerana permukaan bumi bersifat dinamik, dan kepingan bumi sentiasa bergerak dengan kadar sangat perlahan (milimeter hingga sentimeter setahun), patahan berlaku dan tenaga dibebaskan dalam bentuk gempa bumi. Tiada siapa dapat meramal dengan tepat bila, magnitud dan di mana gempa bumi akan datang berlaku.

Begitupun, maklumat sains yang terkumpul sejak ratusan tahun lamanya dapat memberi tafsiran yang baik mengenai fenomena gempa bumi pada masa akan datang. Satu teori geologi terkenal, 'peristiwa lepas adalah kunci masa kini' menjadi asas tafsiran bencana gempa bumi pada masa akan datang. Lebih banyak maklumat peristiwa lampau dikumpul, lebih baik tafsiran ahli geologi mengenai peristiwa alam masa depan.

## USGS kumpul rekod gempa

Pada peringkat global, agensi Penyiasatan Geologi Amerika Syarikat (USGS) sudah mengumpul rekod gempa bumi sejak beberapa ratus tahun lampau. Rangkaian pengukuran yang tepat tersedia dan maklumat mengenai gempa bumi dapat disebarkan ke seluruh dunia dalam masa beberapa saat.

Dalam konteks bencana alam gempa bumi, sistem rangkaian maklumat gempa bumi adalah pencapaian teknologi manusia terancang yang membanggakan.

Pada prinsipnya, daripada perspektif bencana gempa bumi, kita boleh bahagikan permukaan bumi kepada empat zon bencana gempa bumi: sangat kuat (bermagnitud lebih 8), kuat ( $M = 6 - 8$ ), sederhana ( $M = 4 - 6$ ) dan lemah (bermagnitud kurang 4). Jika kita tafsiran maksud setiap kategori ini dari perspektif umum, kuat ialah gempa bumi pemusnah besar dan kesannya dirasai peringkat rantau.

Gempa bumi bermagnitud kuat boleh memusnahkan se-

buah bandar dan impaknya dirasai hingga ratusan kilometer sekitar episent. Gempa bumi bermagnitud sederhana memusnah bangunan di kawasan setempat dan sekitar beberapa kilometer dari episent. Gempa bumi bermagnitud rendah lazimnya tidak menyebabkan kerosakan selain manusia merasai gegarannya.

Di rantau Asia Tenggara, gempa bumi sangat kuat pernah berlaku di lingkungan api (zon subduksi) di bahagian Sumatera Barat dan selatan kepulauan Jawa. Gempa bumi kuat pula sering berlaku di Pulau Sumatera, kepulauan Jawa, Sulawesi dan kepulauan Filipina. Di Sabah, terutamanya di Ranau, Tawau dan Lahad Datu, rekod menunjukkan kita mengalami gempa bumi bermagnitud sederhana, sementara seluruh Semenanjung hanya merasai gempa bumi lemah.

## Boleh hasilkan tsunami

Secara fizikal, pada zon gempa bumi sangat kuat, kepingan kerak bumi sepanjang ribuan kilometer mengalami patahan dan anjakan besar. Gempa bumi seperti ini lazimnya menghasilkan tsunami. Gempa bumi kuat lazimnya berlaku apabila terjadi anjakan beberapa meter sepanjang sesar aktif. Gempa bumi sederhana berlaku membabitkan anjakan kecil sesar aktif. Sementara gempa bumi rendah berlaku pada titik penyusunan semula (readjustment) sesar tidak aktif.

Saya berasakan penting maklumat ini disampaikan kepada masyarakat awam dan pembuat dasar kerana kefahaman yang kurang tepat hanya akan menyebabkan setiap kali berlaku gempa bumi bermagnitud rendah, masyarakat rasa terancam dengan bahaya gempa bumi, dan agensi pembuat dasar pula mengambil tindakan melampau batas atau berbelanja dengan kos tinggi.

Kecuali di Sabah, Malaysia pada umumnya bebas daripada bahaya gempa bumi. Bangunan tinggi di Pantai Barat Semenanjung Malaysia akan mengalami gegaran dari semasa ke semasa akibat gempa bumi kuat di Sumatera. Ini masih tidak sampai ke tahap memusnah atau bahaya kepada nyawa. Bersyukur-lah, negara kita terlindung daripada bencana besar cetusan gempa bumi.

## Penulis

ialah Pengerusi, Pusat Bencana Alam Asia Tenggara (SEADPRU-UKM) dan Ketua Kluster, Sumber Asli dan Alam Sekitar, Majlis Profesor Negara (MPN)

